

1. The incomplete table shows the number of notes in a bag.
Jadual yang tidak lengkap di bawah menunjukkan bilangan wang kertas di dalam sebuah beg.

Value of notes Nilai wang kertas	RM1	RM5	RM10	RM50
Number Bilangan	10	6	12	

If a note is taken out at random from the bag, the probability of getting a RM5 note is $\frac{1}{6}$.

The number of notes of more than RM5 value is

Jika sekeping wang kertas dipilih secara rawak daripada beg itu, kebarangkalian mendapat sekeping

RM5 ialah $\frac{1}{6}$.

Bilangan wang kertas yang bernilai lebih daripada RM5 ialah

- ☐ A 8
☐ B 20
☐ C 24
☐ D 36

2. There are 64 cups in a cupboard of which 36 are white and the rest are green or yellow. If a cup is selected at random from the cupboard, the probability of selecting a green cup is $\frac{3}{16}$.

Find the number of yellow cups in the cupboard.

Terdapat 64 biji cawan di dalam sebuah almari di mana 36 biji daripadanya berwarna putih dan selebihnya berwarna hijau atau kuning. Jika sebiji cawan dipilih secara rawak daripada almari itu,

kebarangkalian sebiji cawan hijau terpilih ialah $\frac{3}{16}$.

Cari bilangan cawan kuning di dalam almari itu.

- ☐ A 16
☐ B 18
☐ C 20
☐ D 24

3. In an exhibition, there are 120 students. 64 of them are girls. Then, 25 students arrive at the exhibition and 11 of them are girls. If a student is chosen at random, find the probability that a boy is chosen.
Dalam suatu pameran, terdapat 120 orang murid. 64 orang daripadanya ialah murid perempuan. Kemudian, 25 orang murid tiba di pameran itu, 11 orang daripadanya ialah murid perempuan. Jika seorang murid dipilih secara rawak, cari kebarangkalian seorang murid lelaki dipilih.

- ☐ A $\frac{13}{29}$
☐ B $\frac{14}{29}$
☐ C $\frac{15}{29}$
☐ D $\frac{16}{29}$

4. Two coins are tossed simultaneously. Using H to represent heads and T to represent tails, which of the following events is impossible?

Dua keping duit syiling dilambung serentak. Menggunakan H mewakili bunga dan T mewakili nombor, antara peristiwa berikut, yang manakah tidak mungkin berlaku?

- ☐ A $\{H, H\}$
☐ B $\{H, T\}$
☐ C $\{T, T\}$
☐ D $\{H\}$

5. A basket contains 24 green buttons and some red buttons. A button is picked at random from the basket. The probability of picking a red button is $\frac{3}{7}$.

How many red button are there in the basket?

Sebuah bakul mengandungi 24 biji butang hijau dan beberapa biji butang merah. Sebiji butang dipilih secara rawak daripada bakul itu. Kebarangkalian memilih sebiji butang merah ialah $\frac{3}{7}$.

Berapakah bilangan butang merah di dalam bakul itu?

- ☐ A 12
☐ B 14
☐ C 16
☐ D 18

6. The table shows the points scored by a group of contestants in a quiz.
Jadual di bawah menunjukkan mata yang diperolehi sekumpulan peserta dalam suatu kuiz.

Points Mata	Number of contestants Bilangan peserta
0 – 4	22
5 – 9	80
10 – 14	58
15 – 19	24
20 – 25	16

A contestant is chosen at random from the group. What is the probability that the chosen contestant obtains at least 15 points?

Seorang peserta dipilih secara rawak daripada kumpulan itu. Apakah kebarangkalian peserta yang terpilih itu memperoleh sekurang-kurangnya 15 mata?

- ☐ A $\frac{2}{25}$
☐ B $\frac{3}{25}$
☐ C $\frac{4}{25}$
☐ D $\frac{1}{5}$

7. A number is picked at random from set $P = \{x : 11 < x < 20\}$. Find the probability of picking a prime number.
Satu nombor dipilih secara rawak daripada set $P = \{x : 11 < x < 20\}$. Cari kebarangkalian memilih satu nombor perdana.

- ☐ A $\frac{1}{4}$
☐ B $\frac{3}{10}$
☐ C $\frac{3}{8}$
☐ D $\frac{2}{5}$

8. 15 cards with numbers 1 to 8 are placed in a box. A card is chosen at random from the box. Determine which of the following events is impossible.
15 keping kad berlabel 1 hingga 8 diletakkan di dalam sebuah kotak. Sekeping kad dipilih secara rawak daripada kotak itu. Tentukan peristiwa yang tidak mungkin berlaku.

- ☐ A A prime number is chosen.
Nombor perdana dipilih.
- ☐ B An even number is chosen.
Nombor genap dipilih.
- ☐ C A number 15 is chosen.
Nombor 15 dipilih.
- ☐ D A number 3 is chosen.
Nombor 3 dipilih.

9. A colour is selected at random from the colours of the traffic lights.
All the possible outcomes are
Satu warna dipilih secara rawak daripada warna lampu isyarat.
Semua kemungkinan kesudahan yang mungkin ialah

- ☐ A yellow, red, blue
kuning, merah, biru
- ☐ B yellow, green, white
kuning, hijau, putih
- ☐ C green, red, yellow
hijau, merah, kuning
- ☐ D red, green, blue
merah, hijau, biru

10. The table below shows Jamie's points in playing a game for a repeated number of times.
Jadual di bawah menunjukkan mata Jamie dalam satu permainan yang dimainkan berulang kali.

Point Mata	Frequency Kekerapan
1	8
2	28
3	5
4	9

If he tries to play the game for 300 times, what is the expected number of times he will obtain more than 2 points?

Jika dia cuba bermain permainan itu sebanyak 300 kali, berapa kalikah dia dijangka akan memperoleh lebih daripada 2 mata?

- ☐ A 48
- ☐ B 84
- ☐ C 168
- ☐ D 252

11. A letter is chosen at random from the word "ANIMAL".
The event of choosing a vowel is
Satu huruf dipilih secara rawak daripada perkataan "ANIMAL".
Peristiwa memilih huruf vokal ialah

- ☐ A {A, I}
- ☐ B {A, N, I}
- ☐ C {N, M, L}
- ☐ D {A, N, I, M, A, L}

12. A number is selected at random from prime numbers which are less than 13.
The sample space is
Satu nombor dipilih secara rawak daripada nombor perdana yang kurang daripada 13.
Ruang sampel ialah



- ☐ A {3, 5, 7, 11}
☐ B {2, 3, 5, 7, 11}
☐ C {2, 3, 5, 7, 11, 13}
☐ D {2, 3, 5, 7, 9, 11, 13}


13. There are 20 male workers and 25 female workers in a factory. 6 of the male workers have cars. If a worker is selected at random from the factory, the probability of selecting a worker who has a car is $\frac{2}{5}$. Find the number of female workers who have cars.
Terdapat 20 orang pekerja lelaki dan 25 orang pekerja perempuan di sebuah kilang. 6 orang pekerja lelaki mempunyai kereta. Jika seorang pekerja dipilih secara rawak daripada kilang itu, kebarangkalian mendapat seorang pekerja yang mempunyai kereta ialah $\frac{2}{5}$. Cari bilangan pekerja perempuan yang mempunyai kereta.

- ☐ A 8
☐ B 12
☐ C 16
☐ D 18

14. There are 8 red marbles and 12 yellow marbles in a container. A marble is picked randomly from the container. What is the probability of getting a yellow marble?
Terdapat 8 biji guli merah dan 12 biji guli kuning di dalam sebuah bekas. Sebiji guli dikeluarkan daripada bekas itu secara rawak. Apakah kebarangkalian mendapat sebiji guli kuning?

- ☐ A $\frac{1}{6}$
☐ B $\frac{4}{7}$
☐ C $\frac{3}{5}$
☐ D $\frac{1}{2}$

15. The diagram below shows a pyramid whose faces are all equilateral triangles.
Rajah di bawah menunjukkan sebuah piramid dengan semua permukaannya berbentuk segi tiga sama sisi.



The pyramid is tossed at random on a table.
The sample space of the event of a face touching the table is
Piramid itu dilambung secara rawak di atas meja.
Ruang sampel bagi peristiwa permukaannya menyentuh meja ialah

- ☐ A {PQR}
☐ B {QRS, PQR}
☐ C {PQR, QRS, PQS}
☐ D {PQR, QRS, PQS, PRS}

16. The table shows the result of a test for a group of students.
Jadual di bawah menunjukkan keputusan ujian bagi sekumpulan murid.

	Pass Lulus	Fail Gagal
Boy Lelaki	18	4
Girl Perempuan	32	x

A student is chosen at random from the group. The probability of choosing a student who failed is $\frac{1}{6}$. Find the value of x.
Seorang murid dipilih secara rawak daripada kumpulan itu. Kebarangkalian memilih seorang murid yang gagal ialah $\frac{1}{6}$. Cari nilai x.

- ☐ A 10
☐ B 8
☐ C 6
☐ D 4

17. A multiple of 3 which is less than 12 is written at random.
What is the sample space for the experiment?
Gandaan 3 yang kurang daripada 12 ditulis secara rawak.
Apakah ruang sampel bagi uji kaji itu?

- ☐ A {3, 6, 9}
☐ B {1, 3, 6, 9}
☐ C {3, 6, 9, 12}
☐ D {0, 3, 6, 9, 12}

18. A letter is chosen at random from the word 'SAMPLE'.
Which of the following outcomes is possible?
Satu huruf dipilih secara rawak daripada perkataan 'SAMPLE'.
Antara berikut, yang manakah kesudahan yang mungkin?

- ☐ A A letter C is chosen.
Huruf C terpilih.
☐ B A letter D is chosen.
Huruf D terpilih.
☐ C A letter A is chosen.
Huruf A terpilih.
☐ D A letter T is chosen.
Huruf T terpilih.

19. In a group of 450 workers, 350 of them are female. Then, 50 male workers join the group. A worker is chosen at random from the group. Find the probability of choosing a male worker.
Dalam satu kumpulan 450 orang pekerja, 350 daripadanya ialah wanita. Kemudian, 50 orang pekerja lelaki menyertai kumpulan itu. Seorang pekerja dipilih secara rawak daripada kumpulan itu. Cari kebarangkalian memilih seorang pekerja lelaki.

- ☐ A $\frac{2}{9}$
☐ B $\frac{7}{9}$
☐ C $\frac{1}{10}$
☐ D $\frac{3}{10}$

20. In a training session on target shooting, the probability of Kamal hitting a target in a trial is $\frac{3}{7}$.

What is the probability that Kamal's shot does not hit the target?

Dalam satu sesi latihan menembak, kebarangkalian tembakan Kamal mengenai sasaran dalam satu percubaan ialah $\frac{3}{7}$.

Apakah kebarangkalian tembakan Kamal tidak mengenai sasaran?

- ☐ A $\frac{1}{3}$
- ☐ B $\frac{3}{5}$
- ☐ C $\frac{2}{7}$
- ☐ D $\frac{4}{7}$